

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN  
HAMZAH [ JASIN ]**

**TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:-**

- (a) potensi *outcome* dan impak (positif dan negatif) pembinaan *high speed rail*, jika dibuat ke atas Malaysia amnya serta Melaka dan KLIA khasnya; dan
- (b) usaha untuk menangani (*mitigate*) potensi yang negatif itu.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kajian yang telah dijalankan berdasarkan pengalaman-pengalaman Bandar-bandar di Perancis, Jepun, Korea Selatan dan Sepanyol yang mempunyai stesen *High Speed Rail* (HSR) mendapati bandar-bandar berkenaan telah menikmati faedah dari segi pembangunan sosio-ekonomi yang rancak. Oleh yang demikian, projek HSR dijangka akan memberi impak yang besar bukan hanya dari segi ekonomi tetapi juga kepada pembangunan Negara, terutamanya sektor-sektor pelancongan, hartanah dan pembangunan, perkhidmatan dan runcit niaga (*retail*).
2. Projek ini juga dijangka bukan sahaja dapat menawarkan masa perjalanan ke bandaraya Kuala Lumpur dan Singapura yang lebih singkat malah turut boleh memangkinkan pembangunan bandar-bandar di sepanjang jajaran HSR melalui pertumbuhan aktiviti seperti perdagangan dan pelancongan di samping menggalakkan aktiviti perniagaan antara bandar-bandar di sepanjang jajaran.
3. Perkhidmatan HSR dijangka melengkap dan bukan sebagai saingan kepada jaringan pengangkutan rel di kawasan Selatan Semenanjung Malaysia. Bandar-bandar yang sebelum ini tidak mendapat perkhidmatan KTM berkemungkinan akan menikmati perkhidmatan HSR.

4. Berdasarkan contoh-contoh antarabangsa, HSR dijangka akan memberi impak kepada hasil pendapatan daripada perkhidmatan udara antara Kuala Lumpur dan Singapura. Walaubagaimanapun, syarikat-syarikat penerbangan dunia secara lazimnya telah berjaya menyesuaikan strategi perniagaan secara lebih kreatif untuk menangani situasi tersebut, seperti menggunakan strategi “code share” antara syarikat HSR and syarikat penerbangan bagi meluaskan lagi rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan. Selain itu, pembinaan projek HSR tidak akan membawa impak negatif secara langsung kepada operasi KLIA kerana perkhidmatan HSR adalah hanya untuk laluan Kuala Lumpur ke Singapura manakala KLIA menerima penumpang dan pelancong daripada lebih kurang 100 destinasi yang lain dari seluruh dunia.

5. Potensi kesan negatif ke atas alam sekitar dan penduduk berhampiran akan diteliti dengan terperinci melalui kajian *Detail Environment Impact Assessment (DEIA)*, *Social Impact Assessment (SIA)* dan kajian-kajian lain yang diperlukan, sepertimana yang diwajibkan ke atas projek-projek pembinaan yang lain bagi memastikan kesan negatif kepada alam sekitar dan sosial dikurangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG  
[ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : 34**

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jangkaan hasil daripada kutipan levi Vehicle Entry Permit (VEP) atas kenderaan asing yang menggunakan Tambak Johor serta Linkedua setiap bulan bermula dari bulan Ogos 2015 selama setahun depan, dan berapa jumlah bahagian hasil VEP akan dibahagikan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 27 Mac 2015 telah memutuskan supaya semua kenderaan pendaftaran asing yang memasuki Malaysia melalui pintu masuk Tambak Johor dan Link Kedua dikenakan Caj Jalan RM20. Disamping itu, semua kenderaan ini juga perlu berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum memasuki Malaysia berkuatkuasa 1 Ogos 2015. Mengikut perangkaan yang dikumpulkan oleh PLUS Malaysia Berhad dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) di Lebuhraya EDL, adalah dianggarkan sebanyak 15,000 kenderaan asing menggunakan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) setiap hari. Berdasarkan perangkaan tersebut, adalah dianggarkan hasil kepada Kerajaan melalui kutipan RC adalah sebanyak RM300,000 sehari atau RM9,000,000 sebulan atau RM109,500,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga bersetuju supaya RM5 bagi setiap transaksi disalurkan kepada Kerajaan Negeri Johor supaya dapat digunakan bagi tujuan membaikpulih kemudahan infrastruktur sedia ada selain meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di negeri tersebut.